

KEMERDEKAAN MANUSIA

Qalam dengan gembiranya menyiarkan tulisan al-Faḍil Kiyai ‘Abdul Rahman Bandung berkenaan soal perhambaan di dalam Islam. Kita berharap tuan kiyai dapat melanjutkan tulisannya di dalam majalah ini dengan lain-lain maudu‘; yang berharga. P.Q.

Orang yang hanya mengenal dari buku dan gambar, pengertian, pandangan dan khayal yang terlukis dalam fikirannya, berlainan dengan orang yang sudah melihat dengan matanya sendiri di kebun binatang; dan pandangannya masih jauh dengan pandangan, pengertian serta pengetahuan orang yang memang hidup di negeri unta, sebab dia mengetahui unta dari dekat dan mengetahui segala hal ehwal yang bersangkutan paut dengannya, pekerjaannya, adatnya, tenaganya, makanannya, faedahnya, bahkan ia mengetahui keturunannya.

Dan bila terjadi perselisihan faham, dan perbezaan keterangan pada waktu menerangkan hal unta, maka hal itu disebabkan perbezaan pandangan dan khayal masing-masing waktu melukiskan atau mensifatkannya, disebabkan perbezaan punca dan pengambilan mereka.

Misalnya yang di atas itu kita dapat qiaskan dengan pengertian dan pandangan orang terhadap Islam pada masa ini, ada yang mengenal Islam dari adat kebiasaan sahaja, dan ada yang mengenal Islam dengan memperhatikan apa yang dilakukan oleh orang-orang yang mengaku beragama Islam, dan ada pula dengan buku-buku dari Barat, dan ada pula yang mengerti dan mengetahui dengan jalan mempelajari Quran dan hadis Nabi, serta segala alam yang bersangkutan dengannya.

Dan dari antara pengertian dan pandangan orang-orang yang jauh perbezaannya satu sama lain, ialah dalam masalah *Harem*, masalah hamba sahaya.

Orang-orang yang membuka kamus-kamus bahasa selain daripada kamus bahasa Arab, mereka akan mengertikan *Harem* itu

ialah satu tempat yang penuh dengan perempuan-perempuan yang terkenal dengan nama jariah.

Sedangkan dalam kamus Arab, kata-kata “*Harem*” itu memang kata-kata Arab, dan erti yang sebenarnya ialah orang yang dihormati, iaitu isteri seseorang.

Setelah orang mengetahui erti *Harem* dalam kamus-kamus Barat, lalu dikuatkan dengan dongengan-dongengan seribu satu malam yang berisi seribu satu dusta, sebab bukan pelakon yang betul-betul terjadi, tetapi semata-mata khayali, dan dikuatkan pula oleh buku-buku Barat dan yang dipertunjukkan dalam wayang gambar.

Bagi orang yang suka mendengar atau memperhatikan agama tidak payah mempercayai adanya hamba sahaya atau orang belian untuk melayani pesanan nafsu si kuat dan si kaya, sebab kerap kali kedengaran orang-orang yang baharu balik dari Mekah menyebut bahawa di antara kufarat atau denda kerana luput melakukan salah satu ibadah dalam haji itu ialah dengan memerdekakan hamba; kerana itulah maka tergambar adanya hamba sahaya, serta Islam pula membolehkan adanya manusia yang dijualbeli.

Selain daripada itu, dalam majalah-majalah kerap kali dimuat dan dapat mengetahui bahawa keterangan yang menerangkan bahawa raja Islam di negeri anu, sekarang masih mempunyai sekian puluh *harem*, dan *harem-harem* di negeri anu pernah mogok, dan lain-lain khabar, yang semuanya menambah kuatnya pengertian orang yang menyangka Islam itu membolehkan adanya hamba sahaya dan diperlindungi dengan undang-undangnyanya.

Bila kita mendengar perkataan hamba atau “*abid*” maka terkhayal dalam fikiran: seorang manusia yang disuruh bekerja setengah mati, dengan makanan yang hanya cukup untuk setengah hidup, dan tidak ada suatu tempat untuk mengadu bila ia dianiyai, dipukul dan dijemur di tempat yang panas, serta lain-lain kezaliman dan penganiyaan.

Memang begitu gambaran hamba sahaya ada di dunia. Dan begitu pula di Mekah dalam zaman jahiliyah, hamba sahaya pada masa itu sungguh sangat buruk nasibnya, Bilal pernah dijemur di tengah-tengah panas pada saat lain-lain binatang bernaung di tempat yang teduh kerana panas terik yang luar biasa, dan dipaksa supaya matanya dibuka tidak boleh ditutup menghadapi matahari.

Ada pula yang dikabiri, dipotong kemaluannya (hamba sahaya yang lelaki – P.), dan ada yang dipukul dengan cara yang sangat kejam, dan mereka tidak dapat mengadu, tidak dapat memperbaiki nasibnya, dan tidak ada orang yang mempunyai maksud yang kuat untuk memperbaikinya,

Islam lahir, pada saat hamba-hamba abdi itu teraniaya dan tertindas, pada saatnya mereka tenggelam dalam lautan kehinaan dan kenistaan, maka pada saat itu Islam mensyariatkan, membuat undang-undang bagaimana cara menghapuskan perhambaan manusia.

Islam tidak menukar nama mereka, tetap menjadi abdi, jariah, tetapi semua hamba sahaya yang di negeri Islam, diperbaiki nasibnya, dibukakan pintu keluar daripada perhambaan.

Hamba sahaya itu tetap namanya abid akan tetapi tidak boleh dipanggil dengan kata-kata : ”hai hambaku!” “wahai abidku!” tetapi mesti dipanggil dengan kata-kata “petaya”, dan kepada perempuan “petati”, iaitu satu panggilan yang tidak mengandungi penghinaan, dan Rasulullah tegaskan dalam hadis-hadis, bahawa mereka itu (hamba sahaya) adalah “*ikhwanku*” iaitu saudara kamu.

Untuk menggambarkan hamba sahaya yang ada di negeri

Islam baik kita mengutip satu kejadian yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī, sebagai berikut:

“Kata al-ma’mur: aku bertemu dengan Abū Dzar di (negeri) Rabizah, ia memakai semacam pakaian, dan abadinya memakai pula pakaian yang sama dengan dia.

“Maka aku bertanya kepadanya dari hal itu (mengapa pakaiannya sama serta kedua-duanya baharu), maka ia menjawab: Sesungguhnya aku dahulu pernah memaki hamun seorang lelaki, dan aku menghina dia dengan membawa-bawa ibunya, maka Rasul Allah bersabda: Wahai Abū Dzar, mengapa kamu hinakan dia dengan menyebut-nyebut ibunya, sesungguhnya kamu seorang yang ada padamu (sisa) kejahilan. Hamba kamu itu ialah saudara yang Allah jadikan di bawah kekuasaan kamu, maka barang siapa yang saudaranya ada di bawah kekuasaannya, maka hendaklah memberinya makan dari apa yang ia makan, dan memberinya pakaian dari apa yang ia pakai. Dan janganlah kamu memberi pekerjaan yang memayahkan mereka, dan apabila kamu menyuruh dia bekerja hendaklah kamu turut membantunya”.

Namanya tetap hamba sahaya, akan tetapi nasibnya lebih dari kaum buruh, atau yang dinamakan jungus atau rakyat, sedang pada lain tempat hamba sahaya tidak ada, akan tetapi nasibnya orang-orang yang seperti hamba sahaya tetap ada, hanya namanya ditukar. Umpamanya jadi jajahan atau sering terdengar dengan istilah “pasukan yang digaji” untuk menghancurkan bangsanya sendiri.

Apa sebab Islam tidak menyapu bersih dengan sekaligus, supaya jangan ada lagi abid dan hamba sahaya? Atau apa sebabnya Islam tidak menetapkan sahaja dengan sekaligus, bahawa semua hamba sahaya mesti dimerdekakan, jangan menunggu keinginan dan keredhaan majikannya?

Bagi menjawab pertanyaan yang seperti itu, baik kita melihat kepada kenyataan yang telah dilakukan oleh Amerika dan yang dilakukan oleh Inggeris di Sudan (Mesir): Dalam kitab *al-Wahy al-Muhammadi* diterangkan, bahawa hamba sahaya yang dimerdekakan dengan serentak itu, akibatnya jadi

terbalik, bukan jadi pertolongan tetapi bertambah kesengsaraan, sehingga terpaksa mereka kembali lagi kepada majikannya. Dan di Sudan terpaksa diizinkan kembali kepada majikannya, dengan syarat jangan dijual atau diperdagangkan.

Memang memerdekakan yang sudah lama jadi hamba abdi dengan sekaligus itu tidak bezanya ditutupnya sebuah pabrik, dengan mendadak, tentu menjadi kesusahan kepada kebanyakan kaum buruh, sebab dengan serentak ia mesti mencari rezeki dengan lain cara, yang mereka belum biasa melakukannya.

Kerananya maka Islam menetapkan supaya cara memerdekakan hamba sahaya itu dengan dasar hendak menolong, mengangkat darjat dan nasibnya, bukan hanya hendak memberi kemerdekaan dengan warisnya kesengsaraan.

Langkah pertama ialah membatasi, menutup jangan ada lagi hamba sahaya yang baharu, pasar hamba abdi yang biasa berlaku pada zaman jahiliyah itu diharamkan, tidak boleh menjual orang yang asalnya curian, atau sengaja menjual anaknya, atau menjual orang-orang hitam atau yang putih yang sengaja dilarikan untuk dijual, untuk melayani nafsu orang-orang yang ada wang yang seperti berwang kejahatannya.

Oleh kerana hamba abdi yang ada beransur-ansur dimerdekakan, dan dididik supaya dapat hidup merdeka, sedangkan hamba abdi yang baharu tidak ada lagi, tentu dengan cepat dapat habis; dan negara sendiri memberikan sumbangan dengan zakat, untuk mempercepat kemerdekaan mereka.

Walaupun hamba abdi cara luar Islam itu akan habis, akan tetapi undang-undang hamba itu tetap ada, Sebab ia satu hal yang tidak dapat dihindarkan iaitu satu urusan yang hukumnya seperti ubat yang tidak boleh dipakai kecuali dengan nasihat doktor, dan tidak dapat dipakai kecuali kalau tidak ada lain jalan, iaitu soal “tawanan” perang sabil Allah.

Di dalam al-Quran diterangkan: “Dan apabila kamu bertemu dengan orang-orang yang kafir (di medan perang) maka penggallah batang leher mereka (perangilah dengan sungguh-sungguh). Sehingga apabila kamu dapat mengalahkan mereka (kamu di pihak yang menang) maka tahanlah (tawanlah mereka tertawan) dan setelah itu boleh kamu lepaskan (tawanan itu selaku anugerah) atau kamu lepaskan mereka dengan tebusan, sehingga perang meletakkan senjatanya.” (surah Muhammad 4).

Dalam ayat itu terangkan bahawa tawanan-tawanan perang f sabilillāh diserahkan kepada pertimbangan pemimpin dengan mesyuarat, hendaklah dipilih mana yang lebih baik dan lebih maslahatnya bagi kemajuan Islam, dan lancarnya dakwah Islam, sebab di antara tujuan perang itu ialah “*himāyatu al-da‘wah*”, memelihara pelancaran dakwah dengan tidak menggunakan paksaan, tetapi supaya mereka terpicat dengan kebaikan Islam, dan tarik kepada keadilannya, dan supaya umat Islam terpelihara daripada gangguan dan godaan yang menggoncangkan tauhidnya disebabkan gangguan musuh-musuh Islam.

Kalau melepaskan tawanan itu akan memberi faedah yang banyak dan memperkuat Islam, serta menambah semerbaknya maka hendaklah tawanan itu dilepaskan selaku anugerah dan kebaikan.

Dan apabila yang menjadi kemaslahatan umum itu, mesti ditebus atau ditukar dengan tawanan Islam yang ditawan oleh pihak lawan, maka hendaklah tawanan-tawanan itu dibebaskan dengan tidak pakai tebusan.

Akan tetapi kalau ternyata menurut pendapat permesyuaratan dan pemimpin, bahawa membebaskan tawanan itu, baik dengan pakai tebusan atau tidak, tetapi menjadi bahaya, sebab akan menambah tenaga musuh atau terbongkarnya rahsia negara, maka mesti dikemanapekenakah tawanan-tawanan itu?

Di dalam peristiwa yang seperti itu, maka kepada orang-orang tawanan itu berlaku undang-undang hamba sahaja, setelah diatur dan ditetapkan iaitu oleh khalifah siapa yang patut memelihara

(sambungan pada muka 32)

bahasa dagang; tidak sekali-kali! Silalah pakai sebarang apa jua perkataan-perkataan bahasa asing itu jika sesungguhnya tidak ada yang demikian itu di sisi bahasa Melayu kita di semenanjung Tanah Melayu (termasuklah Singapura) dan sebegitu pun mestilah diperiksa betul-betul ertinya di mana tempat dan masanya boleh digunakan sebelum kita pakai dia supaya jangan kita ditertawakan oleh mereka yang cukup faham bahasa itu dan supaya jangan kita menyuap nasi ke hidung.

Sebelum saya tamatkan rencana ini mendahuluih saya minta mengapa kerana jika tersalah saya mengagak-agak sahaja, disebabkan oleh sangkaan bahawa setengah daripada penulis-penulis kita itu jika sekiranya ia tidak mengerti betul sekalipun akan perkataan-perkataan dagang itu, apabila didengar atau dibacanya sekali dua orang-orang lain memakainya maka ia pun meniru pula dengan membuta tuli sahaja langsung dibuangnya perkataan-perkataan Melayu yang telah biasa dipakainya dahulu, maka di sinilah agak saya, orang itu berharap orang-orang lain kelak disifatkan dia sebagai seorang berpengetahuan tinggi dan tahu banyak bahasa-bahasa asing dan boleh ajdi namanya masyhur, akan tetapi harus ia terlupa pepatah Melayu: -“takkan besar kerak daripada periuknya!”

Buku-buku Cerita Mata-mata Gelap

Perbunuhan di Padang Polo	30 Sen
Perbunuhan di Lautan Atlantik	30 “
Penari	30 “
Jantan Mata Keranjang	30 “
Pukul Empat Subuh	30 “
Lelaki Binatang	30 “
Penjual Agama	30 “
Barua	30 “

Alamatkan pesanan-pesanan kepada Manager

QALAM PRESS LTD. P. O. Box 3031

SINGAPORE

(sambungan daripada muka 26)

tautan itu dengan syarat yang telah diterangkan tadi, iaitu pakaiannya dan makanannya mesti sama dengan yang memeliharanya, dan tidak boleh disuruh bekerja melebihi tenaga dan kekuatannya, dan mesti dibantu.

Sedangkan kalau tawanan-tawanan itu ditahan sahaja bertahun-tahun dalam kurungan, diberi pekerjaan yang berat tentu lebih sengsara dan lebih tertekan jiwanya, dan rasa permusuhan bertambah subur dalam batin mereka, dan negara mesti mengeluarkan belanja yang sangat besar, walaupun mereka diberikan makanan, kita jangan lupa bahawa mereka sebagai lelaki, dan mereka sebagai perempuan tetap mempunyai nafsu....

Maka jelas dengan menjalankan undang-undang “hamba” sahaja kepada mereka itu lebih besar faedahnya daripada ditahan dalam kurungan bertahun, sebab mereka terpelihara lahir batinnya, dan tidak menerima tekanan sebab ia ada dalam satu rumahtangga yang memandang dia sebagai saudara.

Yang diamalkan oleh Rasulullah (SAW) lebih banyak Ia memberi kemerdekaan, iaitu membebaskan tawanan, umpamanya dalam peperangan Banī al-Muṣṭalaq baginda membebaskan seratus keluarga, dan dalam peperangan Hawāzan baginda membebaskan enam ribu tawanan. Dalam masa baginda menawan negeri Mekah, tida ada orang yang ditawan, tetapi Nabi telah bersabda kepada mereka ketika itu: Kamu sekalian adalah “*talqā*” yakni merdeka. Dalam peperangan Badar ada beberapa tawanan yang mesti ditebus, dan ada pula yang disuruh mengajar, (membaca dan menulis-P), dan apabila ia dapat megajar sepuluh orang maka ia jadi merdeka.

Di dalam surat al-Anfāl dicela orang-orang yang mempunyai dasar tujuan dalam urusan tawanan itu, mengharapkan keuntungan, tidak memakai pertimbangan kemaslahatan umum, kemenangan bersama, umpamanya mengharapkan besarnya tebusan, atau mengharapkan supaya mendapat tawanan perempuan untuk dijadikan jariah.-Bersambung